

03 SEP 2002

Ling-Adil

PEMILIHAN JAWATANKUASA DISIPLIN MCA ADIL, KATA LING

PUTRAJAYA, 3 Sept (Bernama) -- Pemilihan ahli jawatankuasa disiplin MCA adalah adil dan mematuhi kriteria yang dikehendaki, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Menurutnya, barisan jawatankuasa disiplin MCA sepatutnya diterajui oleh mereka yang bersifat neutral dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Beliau tidak menganggap pemilihan itu sebagai memperlekehkan pelan damai yang diusahakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana pemilihan baru itu adalah untuk kepentingan parti dan sama sekali tidak mengandungi sebarang motif peribadi.

"Ini adalah adil. Lembaga disiplin perlukan sesuatu yang neutral dan untuk itu, kita perlukan ahli jawatankuasa yang baru.

"Bagi anggota seperti Yen Yen (Datuk Dr Ng Yen Yen) dan Chan Onn (Datuk Dr. Fong Chan Onn), mereka akan diserapkan ke bahagian baru yang memerlukan kepimpinan mereka," katanya pada sidang media selepas menerima kunjungan hormat kumpulan Harmonika Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Yoke Hwa di pejabatnya, di sini, hari ini.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan berkata, beliau yakin barisan baru yang diterajui oleh anggota veteran MCA, Datuk Kam Woon Wah mampu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi berpandukan kepada pengalaman luas mereka berhubung perjalanan parti.

"Majoriti anggota parti setuju dan gembira dengan pemilihan baru ini dan kita yakin, semua perkara akan berjalan dengan lancar," katanya.

Beliau juga menyarankan supaya satu garis panduan diberikan kepada semua parti komponen Barisan Nasional mengenai apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan bagi mengelakkan sebarang masalah.

Katanya, antara lain garis panduan itu patut memberikan contoh tindakan yang wajar dilakukan jika berlaku perselisihan faham seperti mengadakan perbincangan secara telus sesama sendiri dan jangan menggunakan media untuk menyalurkan rasa tidak puas hati.

"Ini perlu kerana masalah dalaman sepatutnya tidak dihebahkan kepada dunia luar. Ia hanya akan memburukkan lagi keadaan," jelasnya.

Bagaimanapun, kata Dr Ling, jawatankuasa disiplin MCA mungkin tidak memerlukan garis panduan seumpama itu kerana barisan baru ini mendapatkan khidmat mereka yang amat matang dalam membuat keputusan.

"Dengan pengalaman luas mereka, saya yakin mereka tahu apa yang sepatutnya dilakukan dan bentuk tindakan yang perlu diambil," katanya.

Terdahulu beliau mengumumkan mengenai sumbangan wang tunai bernilai RM1,000 setiap seorang kepada tujuh ahli kumpulan Harmonika SMK Yoke Hwa yang telah mengharumkan nama negara dalam Festival Harmonika Peringkat Asia Pasifik kali ke-4 di Jepun, bulan lepas.

Dalam pertandingan yang disertai tujuh negara itu, Malaysia menggondol satu pingat emas, dua perak dan tiga gangsa.

Tiga daripada ahli kumpulan tersebut, Ho Chee Kin, Ng Min Chee dan Koh Keng Hong merupakan juara dunia dalam kejohanan yang sama sebelum ini, yang diadakan di England dua tahun lalu.

-- BERNAMA

SOP AHH ZB